

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 29 OGOS 2015 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	MOSTI cadang tubuh pusat penyelidikan cuaca – Timbalan Menteri	Bernama.com
2	Ketampakan rendah ekoran jerebu di sekitar perairan Malaysia sehingga esok	Bernama.com
3	Student does nation proud at camp	The Star
4	Harumkan nama negara	Harian Metro
5	3 ahli kumpulan ‘Anonymous’ ditahan	Harian Metro

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 29 OGOS 2015 (SABTU)**



## **MOSTI Cadang Tubuh Pusat Penyelidikan Cuaca - Timbalan Menteri**

MELAKA, 28 Ogos (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI)** bercadang menubuhkan sebuah pusat penyelidikan cuaca di bawah Jabatan Meteorologi Malaysia (Met Malaysia) bagi menganalisis cuaca negara ini.

**Timbalan Menteri berkenaan Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** berkata cadangan itu penting bagi menganalisis data dan menyimpan rekod cuaca untuk memastikan ramalan cuaca dibuat dengan lebih efisien.

"Pusat penyelidikan cuaca berfungsi untuk mengkaji dan menganalisis data, tetapi sekarang ini kita hanya peroleh data dari luar negara dan hanya menyimpannya sahaja, tiada analisis.

"Saya rasa kita sudah mampu membuka pusat penyelidikan sendiri kerana kita kini memiliki teknologi canggih dan baharu," katanya kepada Bernama selepas merasmikan penutupan Program Infosys Ke-13 di sini, hari ini.

Program selama 26 hari itu yang bermula pada 2 Ogos disertai 93 penuntut dari 18 institusi pengajian tinggi di seluruh Malaysia.

Ia bertujuan membawa penuntut maju ke hadapan dalam mengadaptasi teknologi terkini selain mendorong mereka berfikiran kreatif dan kritis.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 29 OGOS 2015 (SABTU)**



## **Ketampakan Rendah Ekoran Jerebu Di Sekitar Perairan Malaysia Sehingga Esok**

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Ketampakan rendah kurang daripada lima kilometer di sekitar perairan Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, dan barat Johor dijangka berterusan sehingga esok (30 Ogos).

**Jabatan Meteorologi Malaysia** dalam kenyataan di sini hari ini menyatakan keadaan sama turut berlaku di Selat Melaka dan Sarawak (Kuching serta Rejang) dan keadaan itu berbahaya kepada kapal yang tidak mempunyai navigasi pelayaran.

Selain itu, ribut petir di perairan Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Sarawak (Bintulu dan Miri), Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah (Pedalaman, Pantai Barat dan Kudat) dijangka berterusan sehingga lewat pagi Sabtu.

Menurut kenyataan itu, keadaan tersebut boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam dan laut bergelora dengan ombak berketinggian sehingga 3.5 meter (11 kaki).

Selain itu, kawasan perairan Selat Melaka Selatan, Bunguran, Reef South dan Labuan akan turut mengalami ribut petir berkeadaan yang sama sehingga lewat pagi ini dan keadaan tersebut berbahaya kepada bot-bot kecil.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR  
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 14  
TARIKH: 29 OGOS 2015 (SABTU)**

## Student does nation proud at camp

**KANGAR:** A Malaysian student did the country proud when her group was recognised as the best at the Novartis International Biotechnology Leadership Camp 2015 in Basel, Switzerland.

Nurul Aqilah Aqiludeen from Universiti Malaysia Sarawak, together with a student each from Vietnam, the Philippines, Germany, Morocco and Britain and two Swiss students, brushed aside 63 other participants from all over the world.

Another Malaysian representative, Universiti Malaya student Kwong Soke Chee who was competing in another group, gave her best

performance despite not winning any prize.

The three-day programme, which ended yesterday, was organised by Novartis AG of Switzerland.

Kwong was the winner of the recently held Malaysia BioCamp 2015, organised by Novartis Malaysia, Malaysian Biotechnology Corporation and Industry Centre of Excellence (ICoE), Healthcare Cluster, which is led by Universiti Malaysia Perlis.

ICoE Healthcare chairman Datuk Prof Dr Kamarudin Hussin, who is also UniMAP vice-chancellor, yesterday said Nurul Aqilah's success was remarkable. — Bernama

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 15**  
**TARIKH : 29 OGOS 2015 (SABTU)**

## **Harumkan nama negara**

**Alor Setar:** Pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mengharumkan nama negara apabila dinobatkan sebagai kumpulan terbaik di The Novartis International Biotechnology Leadership Camp di Basel, Switzerland, baru-baru ini.

Pelajar Ijazah Sarjana Mu da Mikrobiologi Nurul Aqilah Aqiludeen, 23, menjadi satu satunya peserta dari Malaysia bersama tujuh lagi rakan pasukan dari Maghribi, Switzerland, United Kingdom, Filipina, Vietnam dan Jerman diiktiraf sebagai kumpulan terbaik, sekali gus mengekalkan sembilan paskan lain yang menyertai persidangan selama tiga hari itu.

Nurul Aqilah dipilih me-

wakili Malaysia selepas menjuarai The Malaysia Bio Camp 2015 yang dikendalikan Novartis Malaysia, Malaysian Biotechnology Corporation dan Pusat Kecemerlangan Industri Kluster Penjagaan Kesihatan (ICoE Healthcare) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Pengerusi ICoE Healthcare Datuk Prof Dr Kamarudin Hussin berkata, kejayaan Nurul Aqilah mengharumkan nama negara amat membanggakan kerana kebanyakannya peserta yang mengambil bahagian bukan hanya men-

dengar pembentangan, malah perlu menyelesaikan beberapa tugas.

Menurutnya, negara mencipta sejarah atas kemengan itu kerana buat julung kalinya pelajar Malaysia menyertai program berkenaan yang turut disertai pelajar Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Fal sah (PhD). "Ini satu pencapaian membanggakan dan saya berharap lebih ramai mahasiswa akan terpilih untuk mewakili negara pada masa akan datang dalam program seperti ini."

"Program ini akan membantu memberi pendedahan awal kepada pelajar dengan persekitaran kerja di sektor industri supaya mereka lebih terbuka minda sebelum melangkah ke alam pekerjaan sebenar," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Sebanyak dua kategori di pertandingan pada The Novartis International Biotechnology Leadership Camp 2015 iaitu kategori kumpulan terbaik dan individu terbaik.

Program anjuran Novartis AG di Basel itu antara inisiatif digarisukkan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajaran Tinggi) yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, April lalu.

**NURUL Aqilah bersama piula serta sijil yang diterimanya di The Novartis International Biotechnology Leadership Camp 2015.**



**FAKTA**  
*Nurul Aqilah adalah pelajar Malaysia pertama menyertai program berkenaan*

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 4**  
**TARIKH : 29 OGOS 2015 (SABTU)**

ISU UGUT GODAM SISTEM KOMPUTER DAN LAMAN WEB AGENSI KERAJAAN

# 3 ahli kumpulan 'Anonymous' ditahan

» *Polis rampas komputer, peralatan diguna rakam video ugutan*

Oleh Safeek Affendy Razali,  
Nor Azizah Mokhtar  
dan Mohd Fahmi Mohd Yusof  
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Tiga ahli kumpulan 'Anonymous' tempatan yang dipercaya bertanggungjawab mengugut mahu menggodam sistem komputer dan laman web agensi kerajaan sebelum ini, ditahan dalam tiga serbuan berasingan di Johor Bahru, semalam.

Mereka berusia 18 hingga 21 tahun yang turut menuntut Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak meletak jawatan sebelum esok, ditahan dalam serbuan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, hasil risikan bersama CyberSecurity Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Mutimedia Malaysia (SKMM).

Polis turut merampas peralatan komputer dan komunikasi, kamera, komputer riba, tablet, telefon bimbit, pemacu data, modem serta topeng digunakan suspek dalam rakaman video ugutan berdurasi lapan minit yang tersebar dalam laman Facebook pada 9 Ogos lalu.

Timbalan Pengarah JSJK (Siber dan Siasatan Multimedia) Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Kamarudin Md Din, berkata polis



**Suspek kumpulan Anonymous** yang ditahan dalam serbuan di Johor Bahru, petang semalam.



**Rakaman video ancaman** dari Anonymous.



**Topeng dan peralatan milik suspek** kumpulan Anonymous yang dirampas.

percaya tiga suspek itu serta beberapa lagi individu yang masih bebas, bertanggungjawab mahu menimbulkan huru-hara dalam sistem komputer dan laman web beberapa agensi kerajaan.

#### Kumpul maklumat

"Kami masih mengumpul maklumat untuk mengenal pasti rangkaian kumpulan Anonymous yang boleh mengancam keselamatan sistem teknologi maklumat (IT) negara ini serta motif sebenar mereka melakukan ugutan berkenaan, selain kemungkinan kaitan mereka dengan BERSIH."

"Kami belum dapat mengesahkan sama ada suspek adalah individu bertanggungjawab menggodam laman media sosial Polis Diraja Malaysia (PDRM) bulan lalu atau turut mempunyai hubungan dengan kumpulan Anonymous antarabangsa," katanya kepada BH, semalam.

Beliau berkata, tiga suspek terabit akan dibawa ke Kuala Lumpur untuk perintah tahanan reman dari mahkamah hari ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 5 Akta Jenayah Komputer 1997, Seksyen 4 (1)(c) Akta Hasutan 1948 dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia.

Pada 9 Ogos lalu, suspek yang memperkenalkan diri sebagai Anonymous, menerusi video dalam bahasa Inggeris loghat British, merancang menggodam laman web agensi kerajaan, antaranya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, polis dan 1Malaysia Development Berhad 1MDB serta ingin menimbulkan huru-hara dalam sistem komputer kerajaan.

Di Johor Bahru, Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, berkata polis tidak memandang ringan ancaman disebarluaskan melalui rakaman video yang dimuat naik dalam laman YouTube bertajuk 'We Will Blast Malaysia!!' yang kononnya akan meletupkan bom pada perhimpunan dianjurkan BERSIH.

Rakaman video dimuat naik kumpulan itu kelmarin, memparkan kejadian pengeboman di Bangkok, Thailand dan turut mengandungi tulisan dalam bahasa Inggeris bermaksud 'Nantikan letupan kami di Bersih 4.0' pada akhir rakaman.

Bercakap pada sidang media selepas perasmian Masjid Tunku Laksamana Abdul Jalil oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar di Ibu Pejabat Polis Kontingen (IPK) Johor semalam, Khalid juga mengingatkan peguam supaya tidak memberi nasihat bercanggah, kononnya perhimpunan dirancang hari ini dan esok, sah dan mengikut Perlembagaan.